

| | | | |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline | Saingan Liga Hoki Malaysia semakin menarik | | |
| MediaTitle | Kosmo Ahad | | |
| Date | 18 Sep 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 197,202 | Readership | 875,000 |
| Section | Sukan | Page No | 61 |
| ArticleSize | 191 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 14,871 | | |
| | | | |



Saingan Liga Hoki Malaysia semakin menarik

TIGA perlawanan terakhir saingan Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) hari ini cukup menarik kerana kesemua enam pasukan pasti mengharapkan kemenangan dalam usaha untuk merebut tempat selesa ke saingan separuh akhir selain menamatkan saingan liga di kedudukan terbaik.

Bagi tiga pasukan utama iaitu Pasukan



Hoki Terengganu (THT), Sapura dan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), mereka sememangnya sudah mengesahkan tempat ke separuh akhir tetapi masih perlu meraih kemenangan bertemu lawan masing-ma-

sing untuk mendapatkan kedudukan paling selesa menjelang saingan separuh akhir.

THT kini menduduki tangga teratas liga dengan 19 mata, Sapura (18 mata) sementara KLHC (17 mata).

Maybank pula di tangga keempat dengan 10 mata hampir selangkah ke separuh akhir dan kemenangan ke atas Sapura hari ini akan menjamin tempat mereka dalam kalangan

empat pasukan terbaik.

Bagaimanapun, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang kini menduduki tangga kelima liga juga masih berpeluang untuk melangkah ke separuh akhir.

Sementara Tenaga Nasional Berhad (TNB) pastinya mahu meraih tiga mata apabila bertemu THT, meskipun peluang ke separuh akhir sudah tertutup rapat dalam usaha mereka me-

namatkan saingan liga di kedudukan terbaik.

Bagi kapten KLHC, Mohamad Sukri Abdul Mutalib, dia serta rakan sepasukan mahu meraih tiga mata apabila bertemu UniKL dalam usaha mereka meraih kedudukan terbaik.

"Memang kami tiada pilihan selain perlu mencatatkan kemenangan ke atas UniKL sambil mengharapkan keputusan tidak memihak kepada

THT dan Sapura.

"Kami gagal beraksi dengan baik apabila tewas kepada TNB pada perlawanan terakhir dan kami mahu menebus kesilapan itu apabila bertemu UniKL esok (hari ini).

"Tapi kami juga tidak boleh memandang rendah keupayaan mereka kerana dalam saingan liga musim ini kesemua pasukan termasuk UniKL mempunyai kekuatan yang seimbang," katanya.